

03 MAR 1998

LEAD Bonus

BONUS: ANSURAN KEDUA BONUS AKAN DIBAYAR

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata ansuran kedua bonus untuk kakitangan awam akan dibayar seperti yang dijanjikan pada April.

"Tidak ada penangguhan...Kabinet telah mempersetujuinya," kata Anwar yang juga Menteri Kewangan kepada pemberita di sini.

Beliau berkata Kabinet telah bersetuju bahawa ansuran kedua bonus itu akan dibayar pada April seperti yang dipersetujui dalam Belanjawan 1998.

Terdahulu hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan membayar baki bonus kepada kakitangan awam yang dijadualkan pada bulan April selagi ia mampu berbuat demikian.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya pemberita semasa melawat Institut Teknologi Kreatif Limkokwing (LICT) di Petaling Jaya.

Dr Mahathir berkata beliau akan menyerahkan soal itu kepada Anwar untuk menentukannya.

"Bonus bukan delayed pay (bayaran yang ditangguh). Bonus diberi apabila kita mempunyai pendapatan yang mencukupi. Seseorang orang anggap bonus sebagai satu hak. Ia bukan hak. Ia adalah sesuatu balasan kerana keadaan mengizinkan ataupun kerana sumbangan kita terhadap pendapatan, jadi baru kita ada bonus.

"Kalau bonus dianggap sebagai hak, itu menjadi bayaran yang ditangguh sahaja, tak ada insentiflah, dia tak jadi insentif."

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Abdul Rahman Manan ketika dihubungi mengalu-alukan kenyataan Anwar itu.

Cuepacs, katanya, memang menjangka bahawa kerajaan akan membayar bonus itu seperti yang dijanjikan.

Menurutnya, kesatuan itu akan menyampaikan persetujuan secara rasmi kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Dr Mazlan Ahmad berhubung cadangan agar anggota-anggotanya menyumbang RM10 atau satu peratus daripada bonus yang akan mereka terima, secepat mungkin.

Sumbangan itu, katanya, sebagai membuktikan bahawa anggota-anggota dalam perkhidmatan awam juga prihatin dengan masalah ekonomi yang dihadapi negara masa kini.

Cuepacs tidak menerima bantahan daripada anggota-anggotanya mengenai cadangan itu yang dibuat semasa mesyuarat jawatankuasa kesatuan tersebut pada 16 Feb lepas, katanya.

Anwar mengumumkan bayaran bonus sebulan gaji atau bayaran minimum RM700 kepada semua kakitangan awam kecuali pegawai tingkatan tertinggi C ke atas semasa membentangkan Belanjawan Negara 1998 di Dewan Rakyat pada 17 Okt lepas.

Pembayarannya dibuat dalam dua ansuran, yang pertama sebanyak RM500 dibayar pada Disember lepas sementara bakinya dijadual dibayar pada bulan depan.

Bonus yang dijanjikan itu adalah yang kelima diberi oleh kerajaan sebagai penghargaan kepada sumbangan kakitangan awam meliputi semua kumpulan termasuk polis dan tentera bagi menjamin keamanan dan kejayaan program pembangunan negara.

Kali pertama kerajaan membayar bonus ialah pada 1993 apabila 850,000 kakitangan awam mendapat setengah bulan gaji atau minimum RM400 diikuti dengan sebulan gaji atau RM600 minimum pada 1994 dan 1995 manakala pada tahun 1996 ialah sebulan gaji atau minimum RM700 bagi kumpulan terendah. --

BERNAMA

AFY AD AA RA AKD